



20 Januari 2017  
20 January 2017  
P.U. (A) 28

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPIENCATUTAN (PENANDAAN HARGA BARANGAN HARGA TERKAWAL)

2017

### *PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING (PRICE MARKING OF PRICE-CONTROLLED GOODS) ORDER 2017*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPECATUTAN 2011

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPECATUTAN  
(PENANDAAN HARGA BARANGAN HARGA TERKAWAL) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 10 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Barang Harga Terkawal) 2017.**

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh dari 23 Januari 2017 hingga 3 Februari 2017.

**Penandaan harga**

2. (1) Mana-mana orang yang menjual atau menawarkan untuk menjual apa-apa barang harga terkawal yang disiarkan dalam Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2017 [P.U. (A) 27/2017] hendaklah meletakkan label berwarna merah jambu yang menunjukkan harga bagi setiap unit atau setiap unit timbangan, nama yang memerihalkan barang harga terkawal itu dan gred atau kualiti, jika ada, bagi barang harga terkawal itu.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit; atau

(b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.